

BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

Ketokohan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan kajian mengenai karyanya *Kuliah Pengajian al-Qur'an* telah dikemukakan serta dianalisis secara ilmiah. Justeru itu, dalam bab yang terakhir ini, penulis akan mengemukakan kesimpulan dan saranan yang dirasakan wajar dan perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

5.1 Kesimpulan

1. Nik Muhammad Salleh Wan Musa ialah seorang tokoh yang berjasa dalam menyebarkan ilmu di Kelantan. Beliau telah dilahirkan dalam keluarga ulama, dan dibesarkan dalam suasana yang mementingkan pendidikan sejak kecil lagi. Beliau telah dididik dengan tegas dan penuh disiplin oleh ayahnya di Tanah Melayu. Beliau juga sempat belajar dengan abangnya, Nik Abdullah Wan Musa yang akhirnya membuka minat beliau untuk terus mendalami ilmu agama. Beliau seterusnya meninggalkan tanah air dan menuntut di Mekah dan India dalam tempoh yang panjang. Sepanjang pengajiannya, beliau berdamping dengan tokoh-tokoh terkemuka seperti Maulana Ubaidilah Sindi dan Dr Zakir Husayn yang seterusnya membentuk pemikiran beliau.
2. Kepulangan beliau ke India membawa satu rahmat apabila beliau mula menyeru masyarakat kembali kepada al-Quran dan al-sunnah. Dengan menggunakan medium penulisan karya, persatuan, kuliah-kuliah agama dan penyertaan dalam politik, beliau sedaya upaya mengajak masyarakat kembali kepada al-Quran dan al-

sunnah.

3. Sekalipun segala tindakan beliau mengundang kontroversi dan mengundang perhatian oleh pihak yang tidak sukaan beliau, beliau tetap meneruskan segala yang ingin dibuat. Ini kerana beliau tahu beliau berada di pihak yang benar, dan segala yang dilakukan adalah sesuatu perkara yang mulia, iaitu mengajak masyarakat kepada al-Qur'an dan al-sunnah, mewujudkan budaya berijtihad, dan menghapuskan taklid buta.
4. Segala halangan dan tentangan dihadapi dengan tenang, beliau disokong oleh isteri dan bapa mertua yang sentiasa bersama-sama susah dan senang. Dengan sikap yang tidak unduk kepada tekanan inilah yang membolehkan beliau meneruskan aktiviti ilmiah yang dijalankan sehingga ke akhir hayat.
5. *Kuliah Pengajian al-Qur'an* merupakan sebuah karya beliau yang utama sekali. Ia merupakan cita-cita beliau yang terpendam sejak mula balik dari India lagi. Beliau mencurahkan ilmu yang dipelajari dalam kuliah ini. *Kuliah Pengajian al-Qur'an* engandungi 47 bilangan dan tafsirannya adalah secara *mawdū'i* ketika menghuraikan beberapa permasalahan yang dirasakan penting dalam memahami al-Qur'an.
6. Bagi menyempurnakan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*, beliau telah memperlihatkan kepakaran beliau dalam tafsir. Tafsirannya adalah berpandukan kepada akal fikirannya sendiri dan jarang sekali merujuk kepada tafsiran yang dibuat oleh mufassir lain. Beliau juga menggunakan hadith-hadith, dan pandangan tokoh-

tokoh terkemuka bagi menyiapkan karyanya ini.

7. Nik Muhammad Salleh Wan Musa mempunyai pemikiran yang mendalam dan analisis yang terperinci mengenai perkara yang dibincangkan. Beliau menekankan keperluan manusia kepada golongan nabi dan *al-mufahhamūn* yang menjadi panduan kepada manusia untuk melayari kehidupan dengan teratur dan mengikut kehendak Allah. Golongan *al-mufahhamūn* mempunyai kefahaman dan peranan yang sama bagi menunjukkan setiap umat Islam ke jalan yang benar.
8. Beliau turut mempunyai analisis yang tersendiri ketika membicarakan persaudaraan Islam. Kesatuan umat hanya akan tercapai dengan membentuk persaudaraan Islam yang terdiri daripada penganut *millah* lain, bagaimanapun keimanan mereka tidak memadai tetapi mereka perlu menyempurnakan iman yang telah ada dalam dada mereka masing-masing mengikut pengetahuan khusus.
9. Beliau turut mampu menangkis dakwaan bahawa Islam tersebar dengan kekerasan dengan menjelaskan bahawa kekerasan yang terdapat dalam Islam merupakan sesuatu yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Menurutnya ulama yang mengatakan tiada paksaan dalam Islam dan Islam tidak tersebar dengan matapedang adalah terperangkap dalam dakyah orientalis yang akhirnya merugikan orang Islam dalam negara Islam sendiri.
10. Beliau menyifatkan nasionalisme adalah sesuatu yang diharuskan dalam Islam selagi tidak fanatik terhadap bangsa sendiri dan tidak berbuat zalim kepada bangsa lain. Beliau berjaya membuktikan bahawa Islam mengharuskan rasa kebangsaan

selagi rasa kebangsaan itu tidak mendorong seseorang kepada fanatik kepada kaumnya sendiri, atau menggunakan alasan kebangsaan untuk menganiaya bangsa orang lain. Baginya, dengan menolak rasa kebangsaan adalah menolak fitrah yang telah dikurniakan oleh Allah SWT ke dalam hati setiap insan.

11. Beliau turut menyeru umat Islam supaya rajin mencari ilmu, menjalankan penyelidikan, menolak taklid buta, dan kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah. Beliau juga dengan tegas menolak sebarang unsur taklid dalam beragama. Seruan yang dikemukakan kepada para alim ulama supaya berijtihad, dan tidak terpengaruh dengan dakyah orientalis adalah banyak sekali dalam karyanya ini. Beliau turut menggesa umat Islam supaya menguasai ilmu pengetahuan seperti yang dituntut oleh Allah SWT dalam banyak ayat-ayat al-Qur'an.

5.2 Saranan

Bertitik tolak daripada kajian yang dijalankan, penulis merasakan beberapa saranan perlu dilaksanakan untuk kepentingan dan kebaikan umat Islam seluruhnya seperti berikut:

1. Pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa mesti dikaji dengan lebih lanjut terutamanya dalam aspek berikut:
 - a. Konsep agama Islam dan dakwah terhadap penganut agama lain dalam pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa
 - b. Analisis tindakan politik Nik Muhammad Salleh Wan Musa
 - c. Pengaruh pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang masih wujud sehingga ke hari ini di Kelantan

- d. Perbincangan ulum al-Qur'an menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa
2. Pihak kerajaan disarankan supaya menyediakan ruang dan kemudahan kepada semua pelajar pengajian Islam yang ingin mengadakan kajian dalam bidang pengajian al-Qur'an. Galakan kewangan daripada pihak kerajaan diharap akan mampu melahirkan tokoh-tokoh yang mahir dalam bidang pengajian al-Qur'an seperti Nik Muhammad Salleh Wan Musa ini.
3. Penulis telah mengalami sedikit kerumitan untuk menemui semua hasil-hasil karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa serta biografi lengkap mengenai beliau, justeru itu penulis mencadangkan supaya setiap tokoh akademik menyimpan khazanah hasil karya yang telah dihasilkan oleh mereka dengan sebaiknya ataupun menyerahkan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Arkib Negara supaya memudahkan para pengkaji mendalami dan mengkaji hasil pemikiran mereka di masa akan datang.
4. Penulis mencadangkan kepada setiap individu muslim supaya mendalami pengajian al-Qur'an kerana al-Qur'an merupakan petunjuk bagi setiap umat Islam.
5. Bagi setiap orang yang ingin menyebarkan ilmu agama, penulis mencadangkan supaya menjadikan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai teladan. Setiap langkah dalam hidup beliau perlu dicontohi, dari saat beliau dibesarkan

sehingga sah saat terakhir hidup beliau mempunyai teladan untuk diteladani. Setiap orang yang ingin menyebarkan ilmu, seharusnya mendalamai ilmu agama tersebut dengan baik dan mempunyai strategi untuk menyebarkan samada menggunakan bidang penulisan, pengajaran, atau melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan politik untuk menjamin ilmunya dapat disampaikan kepada umum. Setiap dugaan dan halangan perlu ditempuhi dengan sabar kerana semua itu adalah rencah dalam berjuang dan kemanisan hasil perjuangan akan lebih terasa setelah melalui pelbagai halangan yang pahit.

6. Setiap keluarga muslim pula disaran menyokong penuh usaha murni ahli keluarga untuk menyebarkan ilmu agama. Ini kerana tanpa sokongan yang bererti daripada pihak keluarga, mungkin usaha murni ini terbantut dan merugikan umat Islam sendiri.
7. Penulis juga mencadangkan kepada pihak media massa seperti televisyen, radio, suratkhabar dan majalah supaya mengadakan program menjelak cendekiawan-cendekiawan dalam bidang al-Qur'an ini seperti Nik Muhammad Salleh Wan Musa, Mustafa Abdul Rahman, Abdullah Basmeih, dan sebagainya. Ini dapat mendedahkan kepada umum mengenai jasa dan sumbangan mereka serta membuatkan masyarakat bukan sahaja mengenali dan mengetahui jasa mereka, tetapi turut berterima kasih dan mencontohi apa yang telah mereka lakukan ini.
8. Dalam zaman teknologi yang canggih dan moden ini, penulis turut

mencadangkan supaya pengkalan data yang mengumpulkan biografi tokoh-okoh pengajian al-Qur'an dan tafsir di Malaysia dapat diadakan oleh pengkaji yang mahir. Pengkalan data ini boleh diadakan dalam bentuk cakera padat hupun dalam bentuk laman web supaya orang ramai dapat memanfaatkan hasil tulisan mereka.

9. Penulis juga mencadangkan supaya pihak penerbit mengambil inisiatif menerbitkan semula karya-karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa kerana karya-karyanya masih berbentuk manuskrip. Ini bagi memastikan khazanah Ilmu yang ada di dalamnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.